



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

**KOMITMEN MALAYSIA DALAM USAHA MEMBANTERAS RASUAH
MELALUI 9TH CONFERENCE OF STATE PARTIES (COSP) DI BAWAH
KONVENSYEN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
MENENTANG RASUAH (UNCAC) DI SHARM EL-SHEIKH, MESIR**

Sharm El-Sheikh, Mesir, 16 Disember 2021 – Persidangan dwi tahunan antirasuah peringkat antarabangsa ke-9 (*9th Conference of State Parties, COSP*) bagi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Rasuah (*United Nations Convention Against Corruption, UNCAC*) yang sedang berlangsung bermula 13 Disember 2021 sehingga 17 Disember 2021 di International Congress Centre, Sharm El-Sheikh, Mesir telah dihadiri oleh 152 negara anggota UNCAC yang berhimpun bagi menyatakan komitmen negara masing-masing dalam memastikan keberkesanan implementasi artikel-artikel yang terkandung dalam Konvensyen serta memperkukuh kerjasama global menentang rasuah ketika dunia berada dalam fasa pemulihan menangani pandemik Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar melalui rakaman video telah menyampaikan ucapan berhubung sokongan Malaysia ke atas usaha UNCAC dalam menangani rasuah di peringkat global. YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi turut menyatakan kejayaan Malaysia menyita aset sejumlah RM5 billion yang sebahagian besar merupakan aset rampasan daripada siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas skandal rasuah 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) serta komitmen

Kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 melalui Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC).

Melalui ucapan tersebut, beliau turut berkongsi tentang usaha Malaysia dalam membanteras rasuah melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama Kerajaan, antaranya memperkenalkan peruntukan baharu di bawah seksyen 17A Akta SPRM 2009 berhubung liabiliti korporat yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 untuk memerangi rasuah dalam kalangan sektor swasta, penambahbaikan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 bagi meningkatkan keberkesanan akta tersebut, pengenalan kepada Akta Ombudsman bagi menangani salah tadbiran dalam agensi awam serta mewajibkan sektor awam dan swasta dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi mengenal pasti risiko rasuah dalam sesebuah organisasi.

Beliau yakin dengan strategi serta komitmen oleh semua pihak dalam usaha memerangi rasuah, Malaysia berupaya mengembalikan keyakinan orang awam terhadap institusi Kerajaan sekaligus meletakkan Malaysia kekal berdaya saing di persada antarabangsa. Komitmen Malaysia melalui penyertaan beberapa jabatan dan agensi kawal selia Kerajaan ke persidangan ini merupakan bukti kesungguhan Kerajaan dalam memastikan usaha membanteras rasuah melalui prinsip ketelusan dan akauntabiliti terus diamalkan bagi membentuk ekosistem bebas rasuah.

Sekian.

**JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)
16 DISEMBER 2021**